



مجلس بنداراي كوالا ترنگانو

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

Tingkat 4 - 8, No. 88, Jalan Sultan Ismail,

20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Tel: 09-627 1111
Faks: 09-622 6570
<http://mbkt.terengganu.gov.my>

Bil. (03) dlm. MBKT 12/1-126 PT.2

Bertarikh : 19 Julai 2022

Bersamaan : 19 Zulhijjah 1443H

**Semua Pihak Berkuasa Tempatan
(Seperti di senarai edaran)**

**Semua "Principal Submitting Person"
(Seperti di senarai edaran)**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI PROGRAM K-MBKT WEBINAR SIRI PERTAMA BAGI
TAHUN 2022 : DASAR PEMUDAHCARA KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG
MELALUI PROSEDUR KM 48, PELAN BANGUNAN BUKAN PROJEK DAN PERMIT
SEMENTARA BANGUNAN DI MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU (MBKT)
- Pindaan Tarikh Program**

Dengan segala hormatnya surat MBKT Bil (01) dlm. MBKT 12/1-126 PT.2 bertarikh 3 Julai 2022 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa **Program K-MBKT Webinar Siri Pertama Bagi Tahun 2022 : Dasar Pemudahcara Kelulusan Kebenaran Merancang Melalui Prosedur KM 48, Pelan Bangunan Bukan Projek dan Permit Sementara Bangunan di Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)** anjuran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dengan kerjasama Koperasi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (KOSMAT) Berhad yang sepatutnya diadakan secara atas talian pada **25 Julai 2022 hingga 26 Julai 2022 (Isnin dan Selasa)** dipinda kepada **17 Ogos 2022 hingga 18 Ogos 2022 (Rabu dan Khamis)** di atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

3. Untuk makluman, objektif Program K-MBKT Webinar ini adalah :-

- i) Platform saluran bertukar informasi antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan *Principal Submitting Person (PSP)*, *Person In Charge (PIC)* dan Pemain Industri dalam tatacara kelulusan bagi :-
 - a) Permohonan pelan KM48;
 - b) Permohonan pelan bangunan bukan projek;
 - c) Permohonan permit sementara bangunan; dan
 - d) Prosedur permohonan bagi penyediaan penginapan pekerja secara jangka pendek dan garis panduan perancangan penginapan pekerja berpusat *Centralize Labour Quarters (CLQ)*.

Bandaraya Warisan Desir Air

- ii) Mengenal pasti cabaran serta halangan dan penerimaan orang-orang yang berkepentingan dalam pelaksanaan kelulusan.
- iii) Mengenal pasti penambahbaikan yang boleh dibuat agar perkhidmatan proses kelulusan lebih efektif dan berkesan.
- iv) Menambah ilmu pengetahuan dan percambahan ideal dan akal fikiran dalam menjalankan kerja-kerja berkaitan di Pihak Berkuasa Tempatan.
- v) Memberi pendedahan dan perkongsian pengalaman di kalangan pegawai dan kakitangan pihak berkuasa tempatan dalam melaksanakan kelulusan secara berkesan.
- vi) Perkongsian informasi "cabang-cabang permohonan" bagi pelan pemajuan pembangunan di Pihak Berkuasa Tempatan untuk warga IPTA dan IPTS yang bakal menjadi Arkitek, Jurutera, Pegawai Perancang Bandar serta berkaitan.

4. Sehubungan itu, pihak Majlis amat berbesar hati untuk menjemput **Bahagian Pentadbiran PBT, Ahli Majlis, Bahagian Penguatkuasaan PBT, Bahagian Undang-Undang PBT, Jabatan Kawalan Bangunan PBT, Jabatan Perancangan Bandar PBT dan "Principal Submitting Person" Seluruh Malaysia serta wakil-wakil pihak tuan bagi urusan tersebut** sebagai peserta webinar ini. Bagi tujuan tersebut, yuran pendaftaran peserta adalah sebagaimana berikut :-

- i) RM50.00 seorang bagi setiap satu (1) sesi;
 - ii) RM200.00 seorang bagi lima (5) sesi (Pakej Platinum); atau
 - iii) RM30.00 seorang bagi setiap satu (1) sesi (Pakej Emas);
- *Khusus kepada pelajar sahaja dengan syarat pengemukaan kad pelajar.

5. Setiap penyertaan layak menuntut mata **"Continuing Professional Development (CPD)" atau "Continuous Contractor Development (CCD)"** daripada Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Teknologis Malaysia, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Lembaga Perancang Bandar Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia.

6. Bersama-sama ini dikepilkan risalah webinar dan borang pendaftaran terkini yang perlu dikembalikan kepada urusetia melalui faksimili **09-626 4720 / 09-627 1130** atau e-mailkan ke **suzieana@mbkt.gov.my / nursyakira.kosmat@gmail.com** sebelum atau pada **10 Ogos 2022 (Rabu)**. Bagi mendapatkan maklumat lanjut, pihak YBhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan boleh berhubung dengan urusetia Majlis;

- i) Cik Nur Syakira binti Salim di talian 09-6249299 / 016-7661328
- ii) Puan Suzieana binti Hamid di talian 09-6271157 / 014-8216947

7. Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

t.t.

(HAJI ROSLI BIN LATIF)

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu

s.k. - 1) Koperasi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (KOSMAT) Berhad

2) Fail